

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' DR. MOHD ALI MOHAMAD NOR
KETUA SETIAUSAHA MERANGKAP PENASIHAT
PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

SEMPENA

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA KE 36

22 FEBRUARI 2019

DEWAN B1, KOMPLEKS KKMM, PUTRAJAYA

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera

Saudari Pengacara Majlis,

**YBHG. DATIN WAN NOOR SURAYA WAN SAAD
PENGERUSI PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN
KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

**YANG BERUSAHA PUAN SULIANI MD.SAIN
TIMBALAN PENGERUSI PUSPANITA**

KETUA-KETUA PENGARAH DAN AGENSI,

SUB-SUB KEMENTERIAN,

**PENGERUSI-PENGERUSI PUSPANITA JABATAN DAN
AGENSI**

**AHLI JAWATANKUASA DAN AHLI-AHLI PUSPANITA
CAWANGAN KEMENTERIAN KKMM YANG DIHORMATI,**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Yang Maha Berkuasa Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnianya, dapat kita bertemu sekali lagi dalam sesi pertemuan yang saya rasa cukup memberi makna kepada kita semua. Selamat Datang buat semua yang sudi meluangkan masa pada pagi ini kerana dapat bersama dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Puspanita Cawangan Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang ke 36 pada tahun ini.

PARA HADIRIN YANG DIHORMATI,

2. Di kesempatan ini tidak terlewat rasanya saya ingin mengucapkan selamat Tahun Baru 2019 kepada semua Ahli Puspanita. Di mana tahun 2019, merupakan Tahun Memperkasa Wanita. Menerusinya, saya berpendapat bahawa, sebagai Penasihat Puspanita Cawangan KKMM, saya mengharapkan semua wanita yang berada di sini dapat mengambil peluang dengan sebaik mungkin untuk menjadi wanita yang sememangnya terbaik dalam negara kita. Aspek produktiviti dalam dunia kerja dengan usaha yang jitu tanpa mengenal erti penat dan lelah harus menjadi usaha dan intipati untuk menyahut cabaran dan saranan Perdana Menteri kita yang mahu golongan wanita berada di kelasnya yang tersendiri.

Sebagaimana kita sedia maklum, golongan wanita merupakan golongan yang tidak lagi dianggap kelas kedua dalam sektor pekerjaan dan pembangunan negara. Wanita adalah sumber inspirasi negara dan kini, ia harus diakui semua bahawa wanita adalah Pencetus Transformasi Negara menjelang 2020 dan ia sebaris dengan golongan lelaki dalam dunia masa kini.

3. Hak wanita harus diakui relevannya dalam dunia tanpa sempadan ini. Sebagai Penasihat Puspanita Cawangan KKMM, saya bersetuju dengan saranan kerajaan yang memutuskan bahawa semua penjawat awam samada lantikan tetap atau kontrak yang mengandungi lima bulan dan ke atas dibenarkan pulang satu jam lebih awal daripada masa bekerja biasa. Ini merujuk kepada golongan wanita juga si suami yang bekerja di lokasi berdekatan untuk pulang bersama bagi membantu isteri yang memerlukan bantuan. Tetapi, jangan lupa untuk menyelesaikan

tanggungjawab dahulu di pejabat, memastikan kerja disiapkan mengikut tugas masing-masing sebelum menjalankan tanggungjawab bersama keluarga di rumah.

DATO-DATO, DATIN-DATIN DAN AHLI PUSPANITA YANG SAYA HORMATI,

4. Saya dimakumkan pelbagai aktiviti telah berjaya dijalankan oleh ahli Puspanita Cawangan KKMM sepanjang tahun 2018. Diantara aktiviti-aktiviti tersebut ialah:

- Menyertai pertandingan sukan sempena Karnival Tahunan Sukan PUSPANITA Kebangsaan,
- Program Jalinan Kasih dengan memberi sumbangan kepada anak-anak yatim dan Asnaf
- Majlis Tadarus dan Khatam AlQuran
- Menganjurkan program keusahawaan, bengkel kemahiran.
- Penyampaian Anugerah Anak Cemerlang
- Mengadakan lawatan di dalam dan luar negeri dan juga
- Menyertai program-program yang dianjurkan oleh PUSPANITA Kebangsaan

5. Tahniah saya ucapkan kepada YBhg. Datin Wan Noor Suraya selaku Pengerusi PCKKMM, Pengerusi-Pengerusi Biro, Ahli Jawatankuasa dan Ahli PUSPANITA yang begitu bersemangat menjayakan aktiviti dan program PUSPANITA. Di harap ahli-ahli dapat jadikan PUSPANITA sebagai platform untuk bertukar-tukar fikiran dan melaksanakan aktiviti dalam suasana kebersamaan sekaligus menjadi sebahagian daripada suatu kelompok atau komuniti.

6. Sebelum saya mengundur diri, nasihat saya, “dalam hidup ini kita kena percaya dengan apa yang kita lakukan, jangan gentar dan menoleh ke belakang. Kita mesti berusaha dengan lebih kuat untuk mencapai apa yang kita hajati. Usah iri hati dengan pencapaian teman-teman kita, kerana rezeki dari Allah swt untuk kita akan ada. Jadikan diri kita sebagai yang terbaik untuk diikuti nescaya langkah kita akan menjadi bintang yang bersinar untuk masa depan yang gemilang”.

7. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datin Pengerusi PUSPANITA, Ketua-Ketua Pengarah, Pengerusi-Pengerusi PUSPANITA Jabatan/Agensi kerana telah memberi kerjasama dan sokongan yang padu dalam menjayakan aktiviti PUSPANITA. Saya amat menghargai atas sumbangan yang diberikan.

8. Kepada barisan Ahli Jawatankuasa PCKKMM, saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana telah berusaha keras membuat persiapan untuk Mesyuarat Agung pada hari ini.

Dengan lafaz Bismillah Hir Rahman Nir Rahim, saya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Ke 36 Cawangan Komunikasi Dan Multimedia Malaysia bagi tahun 2019.

Sekian, Wabillah hitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

